

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA SAMBUTAN  
DI PANTAI MERDEKA, KEDAH PADA 22<sup>HB</sup> JUN, 1980

Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Sambutan, Encik Zainal Abidin Johari, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Syed Nahar Shahabuddin, Menteri Besar Kedah, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Parti Komponen Barisan Nasional, Ketua-ketua Kaum, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya merasa amat bertuah kerana dapat melakukan lawatan ke Pantai Merdeka, Kuala Muda hari ini dan menyaksikan projek "Aquaculture" di Tanjong Dawai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Sambutan yang telah bersusah payah membuat segala persediaan bagi mengalu-alukan lawatan saya ini.

Sambutan meriah yang telah diaturkan pada hari ini dan juga semasa ketibaan saya di Alor Setar petang semalam amatlah mengharukan saya. Penyertaan rakyat berbilang kaum dan dari segenap lapisan masyarakat serta dengan pertunjukan kebudayaan yang beranika-warna dalam masa sambutan ini menjadikan saya lebih insaf di atas tugas dan kewajipan saya kepada rakyat dan negara.

Sungguhpun ini adalah kali pertama saya dapat melakukan lawatan ke Negeri Kedah sejak Pilihanraya Umum tahun 1978, tetapi saya sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan negeri ini. Kebajikan dan kepentingan rakyat negeri ini memang sentiasa di dalam ingatan dan perhatian saya. Saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih serta melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan dan rakyat negeri Kedah, terutamanya kepada Dato' Seri Syed Nahar Shahabuddin serta lain-lain pemimpin negeri ini di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya dan rombongan saya selama dua hari kami berada di Kedah.

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dalam lawatan saya ini saya telah dapat mengetahui secara lebih mendalam kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh negeri Kedah khususnya dalam masa dua tahun yang lalu serta memahami masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri serta rakyat. Pada keseluruhannya, kemajuan dalam bidang

pembangunan dan keselamatan adalah memuaskan. Sungguhpun keadaan keselamatan adalah terkawal sebagaimana telah saya ingatkan semalam bahawa rakyat janganlah berpuas hati dan merasa senang diri.

Kita mestilah sentiasa berwaspada kerana memang ada golongan-golongan yang irihati dengan kejayaan yang telah kita capai dan persefahaman serta keyakinan yang telah dapat kita perolehi. Mereka yang tidak bertanggungjawab ini akan sentiasa cuba dengan berbagai cara dan helah hendak melemahkan semangat dan perpaduan rakyat. Perasaan tidak puas hati oleh segelintir rakyat akan mereka guna dan perbesar-besarkan bagi membangkitkan sentimen dan emosi untuk mengelirukan rakyat. Dengan jalan ini mereka berharap akan dapat mengubah sikap dan pemikiran rakyat supaya rakyat tidak berkerjasama dengan Kerajaan dan menentang Kerajaan. Oleh itu, saya suka menyeru rakyat supaya sentiasa menjaga diri. Jangan sekali-kali terpengaruh dengan tindakan-tindakan yang tidak sihat ini.

Itulah sebabnya saya selalu menegaskan perlunya rakyat berbilang kaum mengukuhkan lagi perpaduan dan persefahaman. Sekiranya terdapat perpecahan di antara rakyat maka senanglah bagi anasir-anasir yang sentiasa hendak "menangguk udang di air keroh", menggunakan kesempatan dan peluang ini untuk memburukkan lagi keadaan. Keadaan yang tidak terkawal boleh mengancam keselamatan negara. Semua pihak perlu berkerjasama serta bersama-sama berusaha bagi memelihara kestabilan keselamatan supaya Kerajaan dapat terus melaksanakan usaha-usaha pembangunan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kerajaan Persekutuan memang sentiasa berusaha bagi membantu kerajaan-kerajaan Negeri dalam pelaksanaan usaha-usaha pembangunan. Negeri-negeri yang telah membuktikan keupayaan dan prestasi yang tinggi akan diberi peruntukan-peruntukan tambahan. Peruntukan pembangunan Negeri Kedah bagi Rancangan Malaysia Ketiga telah ditambah dari \$854.12 juta kepada \$1,261 juta di bawah Kajian Separuh Penggal. Perhatian yang lebih akan terus diberikan kepada keperluan negeri Kedah di dalam Rancangan Malaysia Keempat yang sedang disiapkan bagi membolehkan negeri ini meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunannya dalam semua bidang dan lapangan dalam masa lima tahun yang akan datang.

Rancangan Pengairan MADA akan turut mendapat perhatian. Ini bermakna keadaan hidup sebahagian besar daripada penanam-penanam padi di negeri Kedah akan dapat diperbaiki lagi. Projek Pembangunan Pertanian Lembah Kedah iaitu satu projek raksaksa untuk memperhebatkan pembangunan pertanian di luar kawasan MADA akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Demikianlah juga dengan Skim Perairan Nasional serta Perkhidmatan Perkembangan Pertanian 2L yang akan diperluaskan bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada petani-petani serta meningkatkan pendapatan mereka.

Peruntukan pembangunan yang besar serta bagi program dan projek-projek tertentu yang dilaksanakan oleh Kerajaan atau yang sedang dirancang tidak akan memberi faedah sepenuhnya kepada rakyat sekiranya rakyat sendiri tidak berusaha untuk menggunakannya atau mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti pembangunan itu sendiri. Pembangunan memerlukan kerjasama dan penglibatan semua pihak. Rakyat sendiri perlulah bersedia untuk menerima dan menggunakan cara-cara yang lebih sesuai dan moden yang boleh membantu mereka meningkatkan lagi daya pengeluaran dan meninggikan lagi hasil pendapatan mereka.

Kerajaan sedar bahawa negeri Kedah mempunyai sumber hasil kewangan yang terhad. Kerajaan Negeri perlulah menentukan strategi-strategi yang lebih berkesan dalam mengatasi masalah-masalah yang sedang dihadapinya terutama sekali dalam melaksanakan program dan projek pembangunan. Keseluruhan jentera perancangan dan pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah hendaklah mengutamakan perubahan yang boleh meningkatkan daya pengeluaran. Prestasi dan keupayaan jentera perancangan dan pelaksanaan ini sendiri mestilah turut ditingkatkan lagi. Kerajaan Persekutuan sedia memberi kerjasama serta membantu kerajaan-kerajaan Negeri dalam perancangan dan pelaksanaan projek dan program-program pembangunan yang boleh membawa kesan yang cepat dan faedah terus-menerus kepada rakyat terutama yang miskin dan daif.

Saya tertarik hati dengan program mengusahakan ladang secara berkelompok yang sedang dilaksanakan sebagai percubaan di Asam Jawa. Projek ini menunjukkan potensi yang baik. Begitu juga dengan Rancangan Baik Pulih Dusun yang telah menghasilkan kesan yang memuaskan. Projek penternakan dan perikanan

telah juga ditambah bilangannya. Ramai nelayan-nelayan di Kedah yang telah menerima bantuan-bantuan di bawah subsidi perikanan. Saya penuh yakin bahawa usaha-usaha yang sedang dilaksanakan serta program-program dan projek yang sedang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat akan menambahkan lagi peluang penyertaan rakyat di dalam pembangunan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Di dalam suasana pembangunan yang pesat yang sedang dijalankan di negara kita peranan pemimpin di semua peringkat dan dalam semua lapangan adalah penting. Selain daripada peranan memupuk semangat muhibbah dan persaudaraan di kalangan rakyat berbilang kaum, pemimpin-pemimpin juga adalah bertanggungjawab untuk memberi sepenuh galakan dan bimbingan kepada rakyat terutamanya bagi menyertai kegiatan-kegiatan pembangunan. Pemimpin-pemimpin hendaklah memberi perhatian dan keutamaan dalam perkara ini supaya rakyat akan lebih mengetahui tentang peluang-peluang yang dapat diperolehinya serta cara-cara untuk mendapatkannya. Di samping itu pemimpin-pemimpin juga hendaklah bekerjasama di antara satu sama lain. Mereka mestilah berkhidmat kepada rakyat secara jujur dan ikhlas.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan majlis perjumpaan ini dan seterusnya menjayakan lawatan saya ke negeri Kedah. Saya harap perjumpaan ini akan memberi perangsang yang lebih kuat serta galakan yang tinggi kepada kita semua untuk berbakti dan melibatkan diri di dalam pembangunan serta mengukuhkan lagi semangat kerjasama, persefahaman dan perpaduan. Saya mendoakan sekalian hadirin selamat maju jaya.

Terima kasih.